



Kadang-kadang pemilik kenderaan tak faham konsep. Ada caj tersembunyi pun pengguna tak sedar. Justeru, setiap kali kemalangan, ada surat authorized (kebenaran) yang pengguna perlu isi dan ia harus difahami dengan jelas untuk pastikan tiada caj tersembunyi dikenakan pengusaha trak tunda”

Md Yusof Yahya,
Pengurus Persatuan Trak Tunda dan Pengangkut Kereta 1 Malaysia

Baca, teliti surat kebenaran sebelum tandatangan

Setiap kali terbabit kemalangan atau kereta rosak di jalan raya, pemandu atau pemilik dinasihat membeli dan memahami kandungan surat kebenaran yang diberikan longkai sebelum menurunkan tandatangan masing-masing.

Pengerusi Persatuan Trak Tunda dan Pengangkut Kereta 1 Malaysia (1MTTCC), Md Yusof Yahya, berkata langkah itu walaupun kelihatan lemah tetapi penting kepada pemilik kenderaan untuk tahu kandungan sebenar surat kebenaran berkenaan.

Beliau berkata, langkah itu bagi mengelak mereka dikenakan caj tambahan dan sebagai langkah berjaga-jaga, surat itu perlu dicatatkan dengan nota “tiada caj tersembunyi” bersama tandatangan longkai terbit.

“Kadang-kadang pemilik kenderaan tak faham konsep. Ada caj tersembunyi pun pengguna tak sedar. Justeru, setiap kali kemalangan, ada surat authorized (kebenaran) yang pengguna perlu isi dan ia harus difahami dengan jelas untuk pastikan tiada caj tersembunyi dikenakan pengusaha trak tunda.

“Sebagai langkah waspada, kalau nak sign (tandatangan) tulis (nota pendek) dekat situ (surat kebenaran) ‘tiada caj tersembunyi’. Selepas itu minta pengendali trak (longkai) tanda tangan. Itu sahaja,” katanya kepada BH.

1MTTCC buka fail aduan

Bagi pemilik kenderaan yang masih sangsi dengan perkhidmatan ditawarkan longkai dan tidak puas hati caj terlalu mahal, Md Yusof mensasihati mereka menghubungi talian 24 jam 1MTTCC.

Dengan cara itu, katanya, ia boleh membantu pemilik kenderaan bagi mengesahkan sama ada pengusaha trak tunda itu menyamar atau boleh dipercayai.

Sekiranya ditipu, katanya, mereka

juga boleh memfailkan aduan kepada 1MTTCC untuk tindakan selanjutnya.

“Kami yang pertama di Malaysia membentuk satu gabungan atau persatuan untuk jaga pelanggan atau pengusaha (trak tunda). Sekiranya ada penipuan, kami juga ada membuka satu fail aduan. Mereka boleh hubungi talian 1-700-81-6306 untuk sebarang pertanyaan.”

“1MTTCC mempunyai lebih 500 ahli seluruh Malaysia. Jika ada kesangsihan dalam tugas atau apa berkaitan pengusaha trak tunda, kami cuba beri bantuan. Hubungi kami jika tak berpuas hati.”

“Aduan diterima akan kita serahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk pantau pergerakan longkai itu. Jika perlu kami akan berjumpa untuk seleksaikan masalah. Tidak perlu runting berhubung keselamatan sebab kami sekarang bersama MOT (Kementerian Pengangkutan) dan KPDNHEP,” katanya.

Selain menunda, perkhidmatan ditawarkan pengusaha trak penunda adalah menyeluruh seperti tunjuk balai polis, seterusnya ke bengkel, pengurusan dokumen dan hantar pelanggan pulang ke rumah sehingga kereta itu siap.


Mengenai caj perkhidmatan, beliau berkata harga berbeza kerana belum diselaraskan di seluruh negeri.

Beliau berkata, jadi sebagai pengguna perlu tahu harga yang separutnya mereka bayar.

“Apabila terjadi satu kes tunda, kadang-kadang harga tak masuk akal. Terlampau tinggi. Jadi, apa harga yang separutnya kita tetapkan untuk pengguna?”

“Pertama, bagi 10 kilometer (km) pertama RM150. Kedua, lebih km pelanggan itu boleh dicaj RM3 setiap kilometer,” katanya.

HARI : AHAD
TARIKH : 2/6/2019
M/SURAT : 15



Pemilik perlu memastikan kenderaan mereka dilindungi polisi insurans komprehensif bagi mengelak dikenakan caj tunda melampau.

Pemilik perlu memahami terma dan syarat sebelum tanda tangan surat persetujuan.

